

Soalan Lazim / FAQs:

Berikut adalah Soalan Lazim / FAQs berkaitan permohonan jawatan pensyarah:

1. Bagaimanakah caranya untuk memohon jawatan pensyarah di Universiti Kebangsaan Malaysia?

Jawapan: Permohonan untuk memasuki perkhidmatan di UKM hendaklah dibuat secara atas talian. Sila layari www.ukm.my/kerjaya.

2. Adakah permohonan jawatan pensyarah dibuka sepanjang masa?

Jawapan: Tidak. Permohonan jawatan pensyarah tidak dibuka sepanjang masa. Pemohon boleh membuat semakan dari semasa ke semasa mengenai iklan kekosongan jawatan melalui portal rasmi UKM di <http://www.ukm.my>.

3. Bagaimanakah pemohon ingin mengetahui penempatan selepas pelantikan?

Jawapan: UKM terbahagi kepada 3 kampus iaitu kampus Kuala Lumpur (KKL), kampus Cheras (Hospital Canselor Tuanku Muhriz) dan kampus Bangi.

i) Kampus KL (Fakulti Farmasi, Fakulti Pergigian dan Fakulti Sains Kesihatan)

ii) Kampus Cheras (Fakulti Perubatan dan Institut Perubatan Molekul)

iii) Kampus Bangi (selain fakulti/institut/pusat di kampus KL dan Cheras)

Walaupun bagaimanapun, penempatan adalah tertakluk kepada jawatan kuasa pemilih UKM.

4. Bolehkah pemohon menggunakan borang permohonan jawatan pensyarah sedia sebelum ini dan menghantar borang dan juga salinan sijil-sijil tanpa mengisi secara atas talian?

Jawapan: Bermula dari tarikh 03 April 2020, permohonan melalui www.ukm.my/kerjaya sahaja yang akan dipertimbangkan. Permohonan yang tidak melalui www.ukm.my/kerjaya dan diterima selepas tarikh 17 April 2020 tidak akan dipertimbangkan.

5. Adakah pemohon boleh memohon lebih daripada satu jawatan pensyarah?

Jawapan: Tidak. Hanya satu permohonan sahaja pada satu-satu tempoh pengiklan jawatan pensyarah.

6. Saya seorang staf UKM. Bolehkah saya mendaftar di bawah kategori WARGA UKM dan TETAMU UKM untuk membolehkan saya membuat dua permohonan?

Jawapan: Tidak boleh. Sistem mengenal pasti nombor kad pengenalan sebagai pengecam unik.

7. Bolehkah pemohon bukan warganegara memohon?

Jawapan: Tidak boleh. Permohonan dibuka hanya kepada warganegara Malaysia yang berkelayakan sahaja.

8. Perlukah pemohon menghantar cetakan borang permohonan, biodata/maklumat peribadi (resume/CV) serta sijil-sijil berkaitan?

Jawapan: Tidak perlu. Pemohon hanya perlu mengisi maklumat yang diperlukan dengan teliti dan sempurna serta memuat naik dokumen pembuktian.

9. Saya kurang jelas dengan beberapa perkara dan memerlukan bantuan. Dengan siapakah perlu saya hubungi?

Jawapan: Sebarang pertanyaan lanjut berkaitan permohonan tersebut boleh diajukan kepada upjakademik@ukm.edu.my.